

## “Kurangkan cakap lebihkan tindakan,” kata Datuk Musa.

“Musa: Less talk and more action” (Musa: Kurang cakap lebih tindakan), kata sebuah kepala di muka hadapan New Sunday Times Julai 26, 1981. Berita berikutan yang berpunca dari Segamat melaporkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, sebagai berkata bahawa Kabinet baru akan mengurangkan penggunaan slogan dan lkrar, tapi akan menumpukan konsentrasi kepada tindakan. Kesemua pengumuman yang akan dikeluarkan adalah berdasarkan kepada apa yang telah dan sedang dilaksanakan dan tidak kepada apa yang mungkin dilaksanakan (dan mungkin tidak dilaksanakan?)

\*\*\*

### Komen Penulis:

Nampaknya, Datuk Musa kurang percaya terhadap penggunaan slogan. Mungkin Datuk itu telah membaca cerita lama darihal seorang pemimpin terkemuka (di saman silam) di rantau ini (bukan di negara ini) yang paling gemarkan slogan. Tapi rakyatnya mendirita... Dan begitulah jua keadaannya dengan pemerintahan Jepun dahulu, yang paling suka mengguna slogan itu dan slogan ini, semata-mata untuk “menaikkan” semangat rakyat, yang ditindas dan dengan itu

akan terpaksa menelan meraka.

Dan mungkin jua Datuk Musa kurang tertarik hati terhadap taktik yang diamalkan oleh setengah-setengah penjual ubat di saman silam — semakin panjang dan berapi-api temberangnya mengenai “keistimewaan” ubatnya, maka semakin rendah mutunya. Misalnya, jika ia mendakwa ubatnya boleh mengubati KESEMUA penyakit, dari sakit cinta sehinggalah sakit jiwa, maka ada kemungkinan besar ubat itu hanya berupa minyak kelapa yang dicampur dengan bunga cengkih tumbuk?

Dalam bahasa lais, menilik dari apa yang diperkatakan oleh Datuk Musa tadi, Kabinet baru yang diketuai oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir, bolehlah agaknya dideskripsikan sebagai “Kabinet Penyus” dan bukannya “Kabinet Ibu Ayam” — yakni, Kabinet yang lebih mengutamakan hasil atau tindakan daripada “publicity” yang berupa “noise” atau kebisingan —

\*\*\*

### Catitan Khas:

Bercakap darihal Datuk Musa lagi, baru-baru ini penulis terbaca dua buah rencana — satu dari Utusan Melayu yang dikarang oleh Resnah Abdul Majid yang bertajuk, “Musa: Pemimpin yang tidak leka dari krisis”; dan yang satu lagi dari Berita Harian ditulis oleh Zainuddin Ayip di bawah tajuk, “Musa Hitam: Pemimpin yang memanjat dari bawah”.

M e n g a k u t pengalaman penulis, seseorang pemimpin yang telah menghadapi krisis dan krisis dan berjaya mengatasinya adalah pemimpin yang

b e n a r - b e n a r berpengalaman dan yang berkelayakan memimpin. Kerana seseorang pemimpin (walaupun mempunyai kebolehan yang kurang dari sederhana, yakni, kebolehan “below average”) boleh memimpin dalam keadaan biasa; tapi ujian kepimpinan yang sebenarnya ialah krisis, yakni, kebolehan seseorang pemimpin itu mengatasi krisis atau keadaan kecemasan, tanpa menjadi panik atau kehilangan kepala!

Mengenai pemimpin yang “memanjat dari bawah ke atas” pula, pada kebiasaannya pemimpin seperti itu tidak mudah “diper-main-mainkan” oleh orang bawah bila hanya berada di atas — umpamanya, seorang Jeneral tentera atau Ketua Polis yang naik ke atas dari pangkat prebet atau mata-mata biasa.

Dan jua pemimpin dari kategori ini akan secara serentak mempunyai dua pemandangan, yakni, “bird’s-eye view” dan “worm’s-eye view”, iaitu pemandangan burung dan pemandangan cacing. Ini akan membolehkannya melihat bukan sahaja umpamanya belakang gajah tapi jua perut gajah. (Kadangkala pemandangan dari bawah adalah “more interesting” dari pemandangan dari atas...) Bercakap secara serius pula, pemimpin seperti ini bukan sahaja boleh memahami “the bright side of life” tapi jua “the dark side.” Dan di ketika melayani tuntutan maksima dari orang-orang atasannya tidak akan membelakangkan keperluan minima orang-orang bawahannya...

